

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PROSES ADAPTASI: KAJIAN LAPAN
KARYA TERPILIH DARI MALAYSIA
DAN INDONESIA**

WAN HASMAH BINTI WAN TEH

Tesis yang dikemukakan untuk memperoleh Ijazah
Doktor Falsafah

Fakulti Filem, Teater dan Animasi

September 2014

PERAKUAN PENULIS

Saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam tesis ini telah dilakukan sesuai dengan peraturan Universiti Teknologi MARA. Tesis ini tulen dan merupakan hasil kerja saya sendiri, kecuali dinyatakan sebaliknya atau diakui sebagai rujukan. Tesis ini belum diserahkan kepada mana-mana institusi akademik lain atau institusi bukan akademik bagi mana-mana ijazah atau kelayakan lainnya.

Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah dibekalkan dengan Peraturan Akademik untuk Siswazah, Universiti Teknologi MARA, yang mengatur kajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Wan Hasmah binti Wan Teh

No. Kad Pengenal Pelajar : 2008411022

Program : Doktor Falsafah

Fakulti : Filem, Teater & Animasi

Tajuk Tesis : Proses Adaptasi: Kajian ke atas Karya-Karya Terpilih
Malaysia dan Indonesia

Tandatangan Pelajar : 

Tarikh : September 2014

ABSTRAK

Kajian ini membicarakan lapan buah filem adaptasi dari Malaysia dan Indonesia dengan memberi tumpuan khusus kepada proses adaptasi yang berlaku ketika pengarah memindahkan novel ke filem. Filem adaptasi sering kali dikaitkan dengan persoalan “setia” iaitu melihat sejauh mana filem patuh kepada novel yang dijadikan sumber atau sebaliknya. Kajian ini memperincikan perbezaan yang terdapat pada kedua-dua medium iaitu novel dan filem bagi membuktikan percantuman antara keduanya pasti menghasilkan karya yang turut berbeza. Terdapat beberapa kaedah adaptasi yang telah dianjurkan oleh sarjana Barat seperti Morris Beja, Geoffrey Wagner, Michael Klein dan Gillian Parker, Dudley Andrew, dan McFarlane. Kebanyakannya mencadangkan agar karya asal dijadikan sumber untuk menghasilkan karya baru atau mengekalkan struktur teks dengan menambah tafsiran yang sesuai atau dalam keadaan tertentu meleraikan sumber teks tersebut. Bagi melihat proses adaptasi yang telah dilakukan oleh pengarah filem, kajian ini mengambil empat buah filem adaptasi dari Malaysia dan empat buah filem adaptasi dari Indonesia. Empat buah filem dari Malaysia adalah “Langit Petang” (1982), “Ranjau Sepanjang Jalan” (1983), “Mira Edora” (1990), dan “Jogho” (1997). Manakala empat buah filem dari Indonesia pula adalah “Salah Asuhan” (1972), “Badai Pasti Berlalu” (1977), “Ayat-Ayat Cinta” (2008), dan “Laskar Pelangi” (2008). Kelapanlapan buah filem tersebut dianalisis berdasarkan proses adaptasi yang telah disebutkan oleh Desmond dan Hawkes (2006) iaitu proses pemotongan, pengekalan, penambahan, dan pengubahsuaian terhadap adegan, tema, watak dan latar yang ingin ditampilkan. Kesemua proses ini menentukan kelas setiap filem tersebut sama ada berada di bawah adaptasi setia, pertengahan atau longgar yang dipadankan dengan kaedah adaptasi Michael Klein dan Gillian Parker (1987) iaitu terjemahan dasar, interpretasi semula dan penghasilan karya seni baru. Dapatan kajian mendapati, pengarah filem lebih banyak menggunakan proses adaptasi pengubahsuaian akhiran cerita kerana didorong oleh hasrat dan harapan untuk memberi makna baru kepada khalayaknya dan dinilai berbeza dari makna novel. Klasifikasi filem adaptasi sebagai setia, pertengahan atau longgar bukan ukuran mutlak untuk memastikan kejayaan atau kegagalan filem tersebut, sebaliknya ditentukan oleh kreativiti pengarah dan krew yang terlibat ketika melakukan adaptasi tersebut. Kajian ini juga mendapati terdapat faktor-faktor lain yang menentukan sambutan penonton terhadap filem adaptasi antaranya populariti novel, tema ringan dan kerjasama baik di antara pengarang dan pengarah bagi mewujudkan persefahaman mengenai proses adaptasi.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T di atas rahmat dan anugerah-Nya memberikan saya kesihatan dan umur yang panjang untuk menyelesaikan kajian ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Dr. Solehah Ishak selaku penyelia saya yang telah banyak membantu dan menyelia penulisan ini sepanjang tempoh pengajian di Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UITM, Puncak Perdana. Segala perhatian, kritikan dan saranan dari Prof akan menjadi bekal untuk kerjaya saya di masa hadapan. Penghargaan juga ditujukan kepada Profesor Dr. Hatta Azad Khan penyelia bersama yang berada ASWARA pada awal tahun 2012. Beliau banyak membantu saya di tahap awal penulisan tesis ini, mencadangkan bahan bacaan dan meminjamkan buku serta filem lama yang sudah tidak ada dalam simpanan Filem dan Arkib Negara. Semoga Allah membalas jasa mereka dan melimpahkan kasih sayang-Nya kepada kedua-dua mentor ini dan keluarga mereka.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah menaja pengajian saya dan meluluskan perlanjutan saya sepanjang pengajian. Tanpa dana tersebut, saya tidak mungkin dapat menyelesaikan tesis. Terima kasih juga kepada semua pensyarah Bahagian Kesusasteraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), USM terutamanya Prof. Dato Salleh Yaapar, Prof. Madya Dr. Jelani, Prof. Dr. Sohaimi, Prof. Madya Dr. Noriah Taslim, Dr. Lalita Sinha, Prof. Madya Dr. Rahimah A. Hamid, dan Dr. Luthfi. Perhatian dan kepercayaan mereka adalah semangat untuk saya mengharungi setiap cabaran ketika pengajian ini berlangsung. Tidak lengkap rasanya jika saya tidak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA), Prof. Madya A. Razak Mohaideen yang sentiasa memberi perhatian terhadap setiap masalah yang diajukan pelajar terutama pelajar pascasiswazah. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai di bahagian pentadbiran UITM kerana telah membantu saya dalam urusan pentadbiran.

Ucapan terima kasih wajib saya ajukan kepada pihak FINAS, DBP dan SINEMATEK INDONESIA (SI), Jakarta, yang telah banyak membantu saya dalam usaha mendapatkan data berbentuk filem dan dokumen. Sifat ramah, layanan baik dan kesudian pihak pentadbiran SI memberi izin kepada saya untuk membuat salinan data filem dan buku yang ada dalam simpanan arkib tersebut amat saya hargai. Semoga hubungan baik ini dapat terus berlangsung untuk kelancaran kajian filem di masa-masa hadapan. Terima kasih juga atas kerjasama yang diberikan oleh Tuan Haji Shahrom Mohd Dom, Zulkiflie M.Osman, Khairul Haji Shaari, U-wei Haji Shaari, Anwardi, Riri Riza dan Hanung Bramantyo kerana telah meluangkan masa untuk ditemu bual dan membalas email dan pesanan ringkas (sms) dari saya. Semoga Allah membalas jasa mereka dan memberi kejayaan atas usaha mereka menaikkan filem di negara masing-masing.

Akhir sekali, terima kasih atas doa dan bakti yang tidak putus dari ayahda, Wan Teh bin Hasan dan bonda Hamidah binti Yunus. Buat suami, Teuku Marco Muda dan anak, Pocut Jasmine Batrisya, terima kasih untuk doa dan pengertian selama pengajian saya. Semoga semua pengalaman yang saya peroleh sepanjang pengajian dapat menjadikan saya manusia yang lebih matang dan pendidik yang hebat. Insya Allah.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI CARTA	xviii
SENARAI JADUAL	xix
SENARAI GAMBAR	xxi
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Latar Belakang Filem Adaptasi di Malaysia dan Indonesia	3
1.1.2 Latar Belakang Isu dan Masalah Adaptasi	6
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	10
1.5 Skop dan Batasan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	11
BAB DUA: KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Tinjauan Pendekatan dan Teori Adaptasi	13
2.3 Tinjauan Kajian-Kajian Empirik	16
2.4 Tinjauan Khusus Bahan Kajian	22
2.5 Rumusan	24